

Name :

Class:

Sekolah Kebangsaan Seri Kepayang

Modul Latihan Kokurikulum 2021 - 1M1S - Bolasepak

Undang-undang 12

Kesalahan-Kesalahan Dan Kelakuan Tidak Bersopan

Kesalahan-kesalahan dan kelakuan tidak bersopan adalah dihukum seperti berikut:

Sepakan Percuma Terus

Sepakan percuma terus diberi kepada pasukan pihak lawan jika seorang pemain melakukan salah satu dari tujuh kesalahan berikut:

- ☒ takel pemain lawan.
- ☒ merempuh pemain lawan.
- ☒ menolak pemain lawan.
- ☒ menerjah ke pemain lawan.
- ☒ menendang atau menendang pemain lawan.
- ☒ membentes atau cuba membentes pemain lawan.
- ☒ memukul atau cuba memukul pemain lawan.



Sepakan percuma terus juga diberi kepada pasukan lawan jika seorang pemain melakukan salah satu dari tiga kesalahan berikut:

- ☒ meludah pemain lawan.
- ☒ memegang pemain lawan.
- ☒ memegang bola dengan sengaja (kecuali penjaga gol yang berada di dalam kawasan penaltinya).
- ☒ Sepakan percuma terus adalah dibuat dari tempat dimana kesalahan berlaku.
- ☒ Sepakan Penalti
- ☒ Sepakan penalti adalah diberi jika salah satu dari sepuluh kesalahan di atas dilakukan oleh seorang pemain di dalam kawasan penaltinya, tanpa mengira kedudukan bola, dengan syarat bola berada di dalam permainan.



Sepakan Percuma Tidak Terus

Sepakan percuma tidak terus adalah diberi kepada pasukan lawan jika penjaga gol, di dalam kawasan penaltinya, melakukan salah satu dari empat kesalahan berikut:

- ☒ mengawal bola dengan tangannya lebih dari enam saat sebelum melepaskan
- ☒ menyentuh bola semula dengan tangannya setelah bola dilepaskan dari kawalannya dan sebelum disentuh oleh pemain lain.
- ☒ menyentuh bola dengan tangannya setelah menerimanya terus dari lontaran ke dalam oleh rakannya.
- ☒ menyentuh bola dengan tangannya setelah menerimanya terus dari lontaran ke dalam oleh rakannya.

Sepakan percuma tidak terus juga diberi kepada pasukan lawan jika seorang pemain, pada pendapat pengadil:

- ☒ bermain dengan cara yang berbahaya.
- ☒ menyekat pergerakan pemain lawan.
- ☒ menghalang penjaga gol untuk melepaskan bola dari tangannya.
- ☒ melakukan kesalahan lain yang tidak disebut dalam undang-undang 12, yang mana permainan diberhentikan untuk memberi amaran atau perintah keluar pemain.
- ☒ Sepakan percuma tidak terus adalah dibuat dari tempat di mana kesalahan berlaku

Tindakan Disiplin

- ☒ **Kad kuning** adalah digunakan untuk memberitahu bahawa pemain atau pengganti atau pemain yang telah digantikan telah diberi amaran.
- ☒ **Kad merah** adalah digunakan untuk memberitahu bahawa pemain atau pemain pengganti atau pemain yang telah digantikan telah diperintah keluar.
- ☒ Hanya seorang pemain pengganti atau pemain yang telah digantikan sahaja boleh ditunjukkan kad merah atau kad kuning
- ☒ Pengadil berkuasa untuk mengambil tindakan disiplin dari ketika ia masuk ke padang permainan sehingga ia meninggalkan padang permainan selepas tiupan wisel penamat.
- ☒ Pemain yang melakukan kesalahan beramaran atau perintah keluar, di dalam atau di luar padang permainan sama ada terhadap pemain lawan, rakannya sepsukan, Pengadil, Penolong Pengadil atau orang lain, adalah dikenakan tindakan disiplin mengikut jenis kesalahan yang dilakukan.

Kesalahan-kesalahan Beramaran

Pemain diberi amaran dan ditunjuk kad kuning jika dia melakukan salah satu dari tujuh kesalahan berikut:

- ☒ sentiasa melanggar Undang-undang
- ☒ membantah dengan perkataan atau perbuatan.
- ☒ bersalah kerana kelakuan tidak bersemangat sukan.
- ☒ Permainan melambat-lambat memulakan semula permainan.
- ☒ masuk atau masuk semula padang permainan tanpa kebenaran Pengadil.
- ☒ dengan sengaja meninggalkan padang permainan tanpa kebenaran Pengadil.
- ☒ gagal beredar ke jarak yang dikehendaki apabila permainan dimulakan semula dari sepakan penjur, sepakan percuma atau lontaran ke dalam.
- ☒ Pengganti atau pemain yang telah digantikan adalah diberi amaran jika melakukan salah satu dari tiga kesalahan berikut

Kesalahan-kesalahan Perintah Keluar

Pemain, pengganti atau pemain yang telah diganti adalah diperintah keluar jika dia melakukan salah satu dari tujuh kesalahan berikut:

- ☒ berkelakuan ganas
- ☒ bermain dengan amat kasar
- ☒ meludah pemain lawan atau orang lain
- ☒ menerima amaran kedua di dalam perlawanan yang sama.
- ☒ menggagalkan jaringan gol pasukan lawan atau peluang jelas untuk menjaringkan gol dengan sengaja memegang bola (ini tidak terpakai kepada penjaga gol yang berada di dalam kawasan penalti sendiri).
- ☒ menggagalkan peluang jelas untuk menjaringkan gol oleh pemain lawan yang menuju ke arah gol lawan lawannya, dengan melakukan kesalahan yang boleh dihukum dengan sepakan percuma atau sepakan penalti.
- ☒ menggunakan bahasa yang menyinggung perasaan, menghina atau kata-kata kesat dan / atau gerak laku.
- ☒ Pemain, pengganti atau pemain yang telah diganti yang diperintah keluar



SOALAN KUIZ BOLA SEPAK - Undang-undang 12

Pilih jawapan yang betul atau salah berdasarkan soalan-soalan di bawah.

1.



Kesalahan pemain dalam rajah akan diberikan **sepakan percuma terus** kepada pihak lawan.

Betul

Salah

2.



Perintah keluar padang boleh dikeluarkan oleh pengadil seperti dalam rajah sekiranya pemain meludah pemain lawan atau orang lain.

Betul

Salah

3.



Kesalahan pemain dalam rajah boleh diberikan **kesalahan beramaran** kepada pasukan lawan.

Betul

Salah

4.

- ☒ membantah dengan perkataan atau perbuatan.
- ☒ melambat-lambat memulakan semula permainan.

Kesalahan yang dinyatakan dalam pernyataan ini akan dikenakan tindakan **sepakan percuma terus** kepada pemain tersebut.

Betul

Salah

5.

Kad kuning adalah digunakan untuk memberitahu bahawa pemain atau pengganti atau pemain yang telah digantikan telah diberi amaran.

Betul

Salah

6.

- ☒ bermain dengan cara yang berbahaya.
- ☒ menyekat pergerakan pemain lawan.

Kesalahan yang dinyatakan dalam pernyataan ini akan dikenakan tindakan **sepakan percuma tidak terus** kepada pasukan lawan.

Betul

Salah

7.



Kesalahan pemain dalam rajah boleh diberikan **perintah keluar padang** kepada pemain yang melakukan kesalahan.

Betul

Salah

8.

- ☒ kerana kelakuan tidak bersemangat sukan.
- ☒ masuk atau masuk semula padang permainan tanpa kebenaran Pengadil.

Kesalahan pemain dalam pernyataan boleh diberikan **kesalahan beramaran** kepada pasukan lawan.

Betul

Salah

9.



Perintah keluar padang boleh dikeluarkan oleh pengadil seperti dalam rajah sekiranya pemain melambat-lambat memulakan semula permainan.

Betul

Salah

10.

Kad merah adalah digunakan untuk memberitahu bahawa pemain atau pemain pengganti atau pemain yang telah digantikan telah diperintah keluar.

Betul

Salah